

21 MAR 1998

Mahathir-Kegawatan

KEGAWATAN EKONOMI WUJUD ORANG HANYUT BARU

Oleh: Yong Soo Heong

HANNOVER, 21 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kegawatan ekonomi di Asia Tenggara telah mewujudkan "orang hanyut" yang baru.

Katanya, keadaan sekarang seperti apa yang berlaku di Vietnam pada tahun 70-an.

Dr Mahathir memberitahu wartawan Malaysia di sini bahawa perkara ini berlaku kerana kejatuhan mata wang di Asia Tenggara serta harga saham, menyebabkan berjuta-juta orang hilang mata pencarian mereka.

Beliau menyifatkan kehilangan mata pencarian melalui aktiviti spekulasi oleh setengah pihak dan menyebabkan ramai orang tidak cukup makanan dan ubat sebagai pencabulan hak asasi manusia.

Malaysia sedang menerima kesan-kesan dari perkara ini dan dan satu daripadanya ialah aktiviti jenayah di negara telah meningkat, kata beliau.

Perdana Menteri berkata penghijraan ini juga akan merebak ke negara lain termasuk negara maju.

"Hari ini ialah Malaysia, tetapi ia akan merebak ke negara lain,"

Menurut Dr Mahathir, beliau telah membincangkan perkara ini apabila menemui Canselor Jerman Dr Helmut Kohl Khamis lalu dan dalam perbincangan selama sejam itu, Perdana Menteri mengambil kesempatan untuk memberi penerangan tentang krisis ekonomi di Asia Tenggara.

Dr Mahathir berkata Dr Kohl, yang menunjukkan simpati terhadap krisis yang dialami juga bersependapat dengannya dalam soal orang hanyut.

Pemimpin Jerman itu juga memberitahu bahawa Jerman juga menerima orang pelarian dari Bosnia apabila sesuatu berlaku di negara itu. Kini ada kira-kira 300,000 pelarian Bosnia di Jerman.

Dr Kohl juga berkata Jerman juga menerima kesan-kesan orang hanyut dari Vietnam pada tahun 70-an.

Berhubung dengan krisis Asia Tenggara dan orang hanyut yang baru ini, Dr Kohl akan membawanya ke mesyuarat Asia-Eropah di London pada 3 dan 4 April.

Dr Kohl juga berkata untuk menyelesaikan masalah itu, ia mesti diselesaikan di tempat sendiri.

Dalam hal ini, Dr Mahathir berkata masalah di Vietnam dapat diatasi apabila sistem ekonominya ditukar kepada ekonomi pasaran daripada ekonomi berpusat.

Beliau berkata dengan wujudnya ekonomi pasaran, banyak negara yang menghadapi masalah pelarian atau orang hanyut dari Vietnam dapat menghantar mereka ke negara asal mereka.

Dr Mahathir menegaskan penyelesaian tetap terhadap krisis di Asia Tenggara termasuk orang hanyut adalah mengadakan suatu keadaan metawang yang stabil.

Beliau berkata bahawa ia memberitahu Dr Kohl bahawa apa yang berlaku di Asia Tenggara bukanlah kerana perkara-perkara yang tidak diinginkan oleh pihak tertentu tetapi kejatuhan mata wang yang ketara.

Dr Mahathir berkata "Selagi matawang boleh diturunkan dengan mudah, selama itulah ekonomi negara negara membangun seperti Malaysia tidak akan dapat maju dengan seperti dahulu."

Mengenai ketulusan dagangan mata wang asing, beliau berkata Tabung Matawang Antarabangsa bersetuju bahawa sistem dagangan matawang perlu diperbaiki.

Badan itu sedang membuat siasatan perkara itu dan sebuah pasukan akan

datang ke Malaysia bulan depan untuk menyampaikan laporannya tetapi Dr Mahathir berkata "Saya tidak begitu yakin bahawa mereka akan membuat sesuatu dengan berkesan."

Dr Mahathir berpendapat bahawa satu daripada cara untuk mengatasi kesan-kesan buruk daripada turun-naik matawang asing ialah berdagang dalam mata wang sendiri dan mengurangkan penggunaan mata wang asing terutama dolar Amerika dan mengadakan perdagangan melalui Peraturan Pembayaran Dua Hala.

Dr Mahathir juga mengesyorkan perdagangan dibuat secara "barter".

Apabila ditanya adakah ramalan untuk pertumbuhan negara akan turun lagi dari 4.0 hingga 5.0 peratus yang diramalkan sebelum ini, Dr Mahathir berkata dengan kemerosotan nilai mata wang sebanyak 60 peratus dan harga saham, tentunya ia akan turun kerana aktiviti ekonomi telah berkurangan.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata walaupun perbelanjaan kerajaan dikurangkan sebanyak 20 peratus, gaji kakitangan tidak boleh dipotong.

Katanya, kerajaan cuma akan mengurangkan perbelanjaan pembangunan dan kesan dari tindakan ini tentu akan mengurangkan aktiviti ekonomi.

Apabila ditanya mengapa ramai orang masih berhijrah ke Malaysia walaupun ekonomi telah merosot, beliau berkata persepsi orang-orang tertentu adalah walau keadaan di Malaysia buruk, ia tidak seburuk dengan negara lain. -- BERNAMA

SHY FAZ